

0049

U B453 AAB
MAHATHIR - RAKYAT

PULAU PINANG, 19 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MALAM INI MENINGATKAN RAKYAT BAHAWA HANYA KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG MENYEDIAKAN PELUANG KEPADA SEMUA KAUM UNTUK MEMAINKAN PERANAN MEMBANGUNKAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BARISAN NASIONAL BUKAN SAHAJA BERSEDIA MENERIMA SEMUA KAUM MENANGGOTAINYA, MALAHAN MEMBERI PELUANG KEPADA PARTI PEMBANGKANG YANG ADA UNTUK BERSAMA-SAMA BERUNDING MEMBANGUNKAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN, PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENOLAKNYA, DAN SEBALIKNYA BERCITA-CITA MENYINGKIRKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PENGLUASAN KAWASAN TAPAK PESTA PULAU PINANG DI SUNGAI NIBONG, DI SINI.

LEBIH 10,000 ORANG MENGHADIRI UPACARA ITU. YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU, MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, DAN MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SARAWAK, DATUK DR WONG SOON KAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO DAN PENERUSI BARISAN NASIONAL, JUGA MENGULANGI PELBAGAI ISU LAIN Sambil MENINGATKAN RAKYAT AGAR MEMBUAT PILIHAN YANG TEPAT SEMASA PILIHAN RAYA KELAK AGAR TIDAK TERTIPU DENGAN JANJI-JANJI KOSONG PEMBANGKANG.

-- LAGI

2343MST 19 08 90

0051

U B454 AAB
MAHATHIR - RAKYAT 2 PULAU PINANG

SELAIN ITU, YANG TURUT BERUCAP IALAH PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN GERAKAN, DATUK SERI DR LIM KHENG YAIK DAN PRESIDEN MIC, DATUK SERI S SAMY VELLU, YANG MASING-MASING MENGINGATKAN RAKYAT AGAR TIDAK MUDAH PERCAYA KEPADA TIPU HELAH PEMBANGKANG YANG SEMATA-MATA MAHU MEMANCING UNDI.

DATUK SERI DR LING MEMBIDAS PEMBANGKANG YANG BERHASRAT MEWUJUDKAN SISTEM DUA PARTI DI NEGARA INI BERDASARKAN SISTEM POLITIK DI AMERIKA SYARIKAT KERANA, MENURUTNYA, SISTEM SEUMPAMA ITU TIDAK SESUAI DIAMALKAN DI NEGARA INI.

MENGENAI KERJASAMA PEMBANGKANG, BELIAU BERKATA IA UMPAMA PEPATAH CINA YANG BERMaksud: +MEMPAMERKAN DAGING KAMBING DI BAHAGIAN HADAPAN KEDAI, TETAPI DI SEBALIKNYA MENJUAL DAGING ANJING+, YANG BERERTI SETIAP PEMIMPINNYA SENTIASA BERUBAH-UBAH CAKAP DI SANA DAN DI SINI.

DATUK SERI DR LIM PULA MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH MENDENGAR KHABAR-KHABAR ANGIN YANG DISEBARKAN OLEH PEMBANGKANG KERANA IA BOLEH MENIMBULKAN KEKACAUAN DAN HURU-HARA DI NEGARA INI.

SEMENTARA ITU, DATUK SERI SAMY VELLU BERKATA JIKA PEMBANGKANG MEMERINTAH PULAU PINANG, KEMAJUAN YANG SEDANG DIKECAPI OLEH PADA MASA INI AKAN TERHAPUS. -- LAGI
0000MST 20 08 90

0053

U B455 AAB
MAHATHIR - RAKYAT 3 PULAU PINANG

BAGAIMANAPUN, BELIAU YAKIN DENGAN KERJASAMA PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL, PEMBANGKANG AKAN TERHAPUS DI PULAU PINANG PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DALAM PADA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, PADA SIANG TADI TELAH MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI DALAM USAHA MEMBUAT PERSEDIAAN JENTERA PARTI BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA AKAN DATANG. -- BERNAMA
0001MST 20 08 90